

**PEMIKIRAN POLITIK DAN PEMBINAAN NEGARA  
BANGSA DALAM NOVEL TERPILIH SHAHNON  
AHMAD DAN PUTU WIJAYA: SATU  
KAJIAN BANDINGAN.**

**AZHAR BIN MOHD ALI**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**PEMIKIRAN POLITIK DAN PEMBINAAN NEGARA  
BANGSA DALAM NOVEL TERPILIH SHAHNON  
AHMAD DAN PUTU WIJAYA: SATU  
KAJIAN BANDINGAN.**

oleh

**AZHAR BIN MOHD ALI**

**Tesis Yang disediakan untuk memenuhi Keperluan Doktor  
Falsafah**

**2009**

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Ilahi kerana dengan kurnia dan keizinan-Nya telah membuka ruang dan minda saya di samping kesihatan yang agak memuaskan telah menjadi inspirasi kepada saya meneruskan dan menyiapkan tesis ini. Selama hampir empat tahun saya berada di kampus induk Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang dengan rutin harian saya mengunjungi Perpustakaan Utama dan Kedua untuk menelaah buku, mencari bahan rujukan dan ke bilik penyelia saya untuk mendapat bimbingan. Jerih perih itu akhirnya berbaloi juga kerana dapat juga saya siapkan tesis ini.

Dalam kesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, melalui Bahagian Pendidikan Guru yang telah mengurniakan biasiswa kepada saya untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Doktor Falsafah. Ucapan terima kasih tidak terhingga juga kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. Sohaimi Abdul Aziz yang tidak jemu-jemu memberi tunjuk ajar, pandangan, teguran dan bimbingan serta dorongan yang amat berguna sehingga saya berjaya menyiapkan tesis ini. Saya juga terhutang budi kepada pensyarah-pensyarah kesusasteraan dan staf pentadbiran di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan Institut Pengajian Siswazah yang sedia membantu saya sekiranya saya menghadapi masalah.

Tidak ketinggalan juga saya ingin merakam jutaan terima kasih saya kepada Datuk Shahnnon Ahmad yang sudi menerima kunjungan saya di rumahnya untuk berbicara tentang karyanya yang menjadi pilihan saya. Hal ini sangat saya sanjung tinggi dan hanya Allah saja dapat membalas jasa baik Datuk Shahnnon. Walaupun beliau dalam keuzuran, namun beliau senang hati bertemu dengan saya. Seterusnya ucapan jutaan terima kasih juga kepada

Saudara Putu Wijaya yang sudi menerima kedatangan saya di Teater Utan Kayu, Indonesia. Beliau sangat gembira kerana saya ingin mengkaji novelnya. Beliau telah bercerita dengan panjang lebar proses penciptaan novelnya yang menjadi subjek kajian saya.

Saya juga ingin merakam jutaan terima kasih kepada Saudara Zubir dan Che Abdullah, pensyarah kesusasteraan di Universiti Kebangsaan Malaysia yang turut menyertai saya ke Indonesia untuk membuat kajian dalam bidang masing-masing. Walaupun mempunyai tugas tersendiri menyiapkan kajian mereka, namun mereka telah banyak membantu saya dalam kajian saya. Ucapan terima kasih tidak terhingga juga saya tujukan kepada beberapa orang pensyarah kesusasteraan di Universiti Indonesia, Depok, iaitu Saudara Maman S. Mahayana, Ibnu Wahyudi, Abdul Hadi dan pegawai di perpustakaan Universiti Indonesia yang memberi bantuan dan pertolongan mencari bahan rujukan kepada saya. Tidak lupa juga rakaman jutaan terima kasih kepada Saudara Endo Senggono Pengarah Pusat Dokumentasi Sastera HB Yassin, Taman Ismail Marzuki dan pegawainya. Jutaan terima kasih juga kepada Puan Agnes, Pegawai Pusat Pembinaan dan Pembangunan Bahasa, Jakarta dan pegawai-pegawainya yang sedia membantu saya menjalankan kajian ini.

Akhir sekali saya ingin merakam jutaan terima kasih kepada isteri saya Puan Roslina Bt Baharom, yang banyak mengambil tugas dan peranan saya sebagai ketua keluarga menggantikan saya. Begitu juga dengan ketiga-tiga orang puteri kesayangan saya, iaitu Amirah, Athirah dan Aqeela yang sentiasa memahami tugas saya sebagai seorang pelajar. Bantuan dan dorongan daripada keluarga saya telah melancarkan dan memudahkan saya meneruskan pengajian saya.

Azhar Bin Mohd Ali,  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia,  
Pulau Pinang.

## KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
Muka surat judul .....	i
Penghargaan .....	ii
Kandungan .....	v
Abstrak .....	ix
Abstract .....	xi
<b>BAB SATU PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pernyataan Masalah Kajian.....	2
1.2 Objektif Kajian .....	9
1.3 Tinjauan Kajian.....	10
1.4 Skop Kajian .....	29
1.5 Kepentingan Kajian.....	31
1.6 Kerangka Teori.....	31
1.7 Pendekatan Tematik.....	34
1.8 Kaedah Kajian .....	38
1.9 Organisasi tesis .....	39
<b>BAB DUA TEORI PEMIKIRAN POLITIK DAN NEGARA BANGSA</b>	<b>41</b>
Pengenalan.....	41
2.1 Teori Pemikiran Tudor Jones.....	42
2.2 Konsep Kedaulatan .....	44
2.2.1 Kedaulatan Mengikut Perspektif Islam .....	57
2.3 Konsep Tanggungjawab Politik .....	63
2.3.1 Tanggungjawab Politik Mengikut Perspektif Islam .....	72

2.4	Konsep Kebebasan .....	77
2.4.1	Kebebasan Mengikut Perspektif Islam .....	83
2.5	Konsep Hak-Hak Manusia .....	86
2.5.1	Hak-Hak Manusia Mengikut Perspektif Islam .....	92
2.6	Konsep Kesamaan .....	98
2.6.1	Kesamaan Mengikut Perspektif Islam ....	104
2.7	Pemikiran Politik dan Negara Bangsa .....	107
<b>BAB TIGA KEDAULATAN</b>		<b>113</b>
	Pengenalan .....	113
3.1	Kedaulatan Politik dalam Novel <i>Bila Malam Bertambah Malam, Nyali, Patriarch dan Sutan Baginda</i> .....	113
3.1.1	Novel <i>Bila Malam Bertambah Malam</i> .....	114
3.1.2	Novel <i>Nyali</i> .....	119
3.1.3	Novel <i>Patriarch</i> .....	127
3.1.4	Novel <i>Sutan Baginda</i> .....	136
3.2	Kedaulatan Undang-Undang dalam Novel <i>Shit, Muntah dan Pabrik</i> .....	143
3.2.1	Novel <i>Shit</i> .....	144
3.2.2	Novel <i>Muntah</i> .....	153
3.2.3	Novel <i>Pabrik</i> .....	163
<b>BAB EMPAT TANGGUNGJAWAB POLITIK</b>		<b>171</b>
	Pengenalan.....	171
4.1	Tanggungjawab Politik dalam Novel <i>Perang, Patriarch dan Menteri</i> .....	171
4.1.1	Novel <i>Perang</i> .....	172

4.1.2	Novel <i>Patriarch</i> .....	179
4.1.3	Novel <i>Menteri</i> .....	185
4.2	Tanggungjawab Politik Rakyat dalam Novel <i>Perang, Patriarch</i> dan <i>Menteri</i> .....	191
4.2.1	Novel <i>Perang</i> .....	193
4.2.2	Novel <i>Patriarch</i> .....	197
4.2.3	Novel <i>Menteri</i> .....	203
<b>BAB LIMA KEBEBASAN BERSUARA</b>		209
	Pengenalan .....	209
5.1	Kebebasan Bersuara dalam Novel <i>Kroco, Shit, Muntah</i> dan <i>Bila Malam Bertambah Malam</i> .....	210
5.1.1	Novel <i>Kroco</i> .....	210
5.1.2	Novel <i>Shit</i> .....	217
5.1.3	Novel <i>Muntah</i> .....	223
5.1.4	Novel <i>Bila Malam Bertambah Malam</i> .....	230
<b>BAB ENAM HAK-HAK MANUSIA</b>		236
	Pengenalan .....	236
6.1	Hak-Hak Berpolitik dan Hak Keselamatan Nyawa dalam <i>Tunggul-Tunggul Gerigis, Nyali, Perang</i> .....	237
6.1.1	Novel <i>Tunggul-Tunggul Gerigis</i> .....	237
6.1.2	Novel <i>Nyali</i> .....	243
6.1.3	Novel <i>Perang</i> .....	247
6.2	Hak Memiliki dan Menjaga Harta dalam Novel <i>Byarpet</i> dan <i>Menteri</i> .....	253
6.2.1	Novel <i>Byarpet</i> .....	253
6.2.2	Novel <i>Menteri</i> .....	256



6.3	Keadilan Hak dari Segi Undang-Undang dalam <i>Byarpet, Shit dan Muntah</i> .....	261
6.3.1	Novel <i>Byarpet</i> .....	262
6.3.2	Novel <i>Shit</i> .....	265
6.3.3	Novel <i>Muntah</i> .....	269
<b>BAB TUJUH KESAMAAN</b> .....		277
	Pengenalan.....	277
7.1	Kesamaan Sumber Ekonomi dalam Novel <i>Pabrik, Byarpet Tunggul-Tunggul Gerigis dan Sutan Baginda</i> .....	277
7.1.1	Novel <i>Pabrik</i> .....	278
7.1.2	Novel <i>Byarpet</i> .....	284
7.1.3	Novel <i>Tunggul-Tunggul Gerigis</i> .....	289
7.1.4	Novel <i>Sutan Baginda</i> .....	295
<b>BAB LAPAN KESIMPULAN</b> .....		303
<b>BIBLIOGRAFI</b> .....		316

# PEMIKIRAN POLITIK DAN PEMBINAAN NEGARA BANGSA DALAM NOVEL TERPILIH SHAHNON AHMAD DAN PUTU WIJAYA: SATU KAJIAN BANDINGAN

## ABSTRAK

Kajian ini meneliti dua belas novel terpilih karya Shahnnon Ahmad dan Putu Wijaya. Novel-novel terpilih daripada Shahnnon Ahmad ialah *Menteri*, *Tunggul-Tunggul Gerigis*, *Patriarch*, *Sutan Baginda*, *Shit* dan *Muntah*. Manakala novel-novel daripada Putu Wijaya ialah *Bila Malam Bertambah Malam*, *Pabrik*, *Nyali*, *Perang*, *Kroco* dan *Byarpet*. Dengan menggunakan pendekatan tematik dalam kesusasteraan bandingan, kajian ini meneliti pemikiran politik dan pembinaan negara bangsa di dalam novel-novel berkenaan. Lima konsep pemikiran politik moden daripada Tudor Jones telah digunakan. Lima konsep tersebut ialah kedaulatan, tanggungjawab politik, kebebasan, hak-hak manusia dan kesamaan. Setiap konsep itu ada beberapa pecahan. Pandangan beberapa orang pemikir politik terdahulu seperti Niccolo Machiavelli, Thomas Hobbes, John Locke, John Stuart Mill dan Jean Jacques Rousseau dijadikan model rujukan bagi Jones untuk menjelaskan konsep-konsep pemikiran politik itu. Kajian ini juga membincangkan pemikiran politik Islam daripada tokoh Islam, iaitu al-Maududi, al-Mawardi dan Sayyid Quthb. Konsep-konsep pemikiran politik ini dihubungkan dengan unsur-unsur pembinaan negara bangsa. Kajian mendapati novel-novel yang diteliti membincangkan konsep kedaulatan, tanggungjawab politik, kebebasan, hak-hak manusia dan kesamaan. Walau bagaimanapun, tidak semua pecahan daripada konsep-konsep itu dibincangkan. Semua konsep yang dibincangkan mempunyai fungsi penting dalam menjelaskan unsur-unsur pembinaan negara bangsa seperti kecintaan, pengorbanan, perpaduan kepada bangsa dan negara. Walau bagaimanapun

terdapat perbezaan gaya penulisan di antara novel yang ditulis oleh Shahnnon dan Putu Wijaya. Novel-novel Shahnnon lebih berani, kritis dan kreatif dalam menyampaikan pemikiran politik berbanding dengan Putu Wijaya. Hal ini kerana iklim politik di Malaysia pada ketika itu telah membenarkan Shahnnon berkarya secara lebih terbuka kerana pada pandangan pemerintah, karya-karya Shahnnon tidak memberi sebarang kesan ataupun menggugat kestabilan politik pemerintah berbanding di Indonesia pada waktu yang sama yang masih mengamalkan dasar tertutup dan mengancam. Pengaruh Islam dalam pemikiran politik dalam novel-novel Shahnnon jelas berbanding dengan novel-novel Putu Wijaya. Kecenderungan pemikiran politik Islam disebabkan perjuangan Shahnnon terhadap sastera yang berunsur Islam dan hal ini tidak ada pada Putu Wijaya.

**POLITICAL THOUGHT AND NATION-STATE BUILDING IN  
SELECTED WORKS BY SHAHNON AHMAD AND PUTU WIJAYA :  
A COMPARATIVE ANALYSIS**

**ABSTRACT**

This is an analysis of twelve selected novels by Shahnnon Ahmad and Putu Wijaya. The novels by Shahnnon Ahmad include *Menteri*, *Tunggul-Tunggul Gerigis*, *Patriarch*, *Sutan Baginda*, *Shit* and *Muntah*, while the novels by Putu Wijaya are *Bila Malam Bertambah Malam*, *Pabrik*, *Nyali*, *Perang*, *Kroco* and *Byarpet*. The political themes in these novels are discussed using the thematic approach and Tudor Jones' five concepts of Western modern political theory. The five concepts are state sovereignty, political obligation, liberty, rights and equality. Each concept consists of several aspects. The ideas of key political thinkers such as Niccolo Machiavelli, Thomas Hobbes, John Locke, John Stuart Mill and Jean Jacques Rousseau were referred to by Jones in explaining these concepts. This analysis also discusses the Islamic political thinking of key Islamists such as Al-Mawdudi, Al-Mawardi and Sayyid Quthb. All these concepts are linked to different aspects of nation-state building. This analysis finds that the concepts of state sovereignty, political obligation, liberty, rights and equality are discussed in these novels. However, not every aspect of these concepts are discussed. All the concepts which are discussed serve to elucidate the various aspects of nation-state building, such as love and sacrifice for country and nation, and unity. The writing styles of Shahnnon and Putu Wijaya are different. Compared to Putu Wijaya, Shahnnon is found to be more daring, critical and creative in conveying his political thoughts in his novels. Shahnnon was able to write so openly because, in contrast to the Indonesian

government, the Malaysian government at the time was of the opinion that his writings would not have any impact on the political stability of the country. The influence of Islamic political thought is evident in Shahnnon's novels but not in the novels of Putu Wijaya. Shahnnon's propensity towards Islamic political thought is a result of his role as a proponent of Islamic literature.

## BAB 1

### PENGENALAN

Sastera dan politik tidak menjadi asing bagi sesetengah pengarang seperti Shahnnon Ahmad dan Putu Wijaya. Kedua-dua pengarang ini telah menjadikan politik sebagai bahan untuk berkarya. Bahan politik dalam minda kreatif kedua-dua pengarang ini digarap melalui satu proses kreatif yang tersendiri. Ideologi, pengalaman dan persekitaran yang berbeza pasti mencorak pemikiran politik kedua-dua pengarang ini seperti yang diperlihatkan dalam karya-karya yang dihasilkan.

Pemikiran politik mereka dapat dijelaskan melalui konsep-konsep seperti kedaulatan, tanggungjawab politik, kebebasan, hak-hak asasi dan kesamaan. Namun adakah pemikiran politik mereka sama atau berbeza? Mengikut teori politik, ideologi, pengalaman dan persekitaran yang berbeza mencorak pemikiran politik yang berbeza. Sejauh manakah teori ini benar? Seterusnya bagaimana pemikiran politik mereka dapat menyumbangkan kepada sebuah negara bangsa?

Shahnnon Ahmad pernah bergiat aktif dalam politik dengan menjadi wakil rakyat sebuah parti pembangkang, iaitu PAS (Parti Islam Se Malaysia) selama sepenggal dari tahun 1999 hingga tahun 2004. Penglibatan beliau dalam politik, mendedahkan beliau kepada iklim politik negara secara langsung. Sebaliknya Putu Wijaya walaupun tidak terlibat dalam politik, namun masih berupaya menghasilkan karya-karya yang ada kaitan dengan politik. Kesempatannya sebagai wartawan dalam majalah *Ekspres* (1969), majalah *Tempo* (1971-1979) dan seterusnya ke majalah *Zaman* (1979-1985) telah memberi banyak peluang kepada beliau untuk mengenali dunia politik secara tidak langsung.

Minat mereka kepada politik bukan sahaja dizahirkan dalam bentuk penglibatan secara langsung dan tidak langsung dalam parti politik tetapi juga ke dalam karya-karya yang dihasilkan oleh mereka. Persekitaran dan latar belakang yang berbeza mempengaruhi aliran pemikiran politik mereka. Sehubungan itu, amat menarik membuat perbandingan antara kedua-dua pengarang ini untuk mengkaji pemikiran politik. Pemikiran politik juga mempengaruhi pandangan mereka tentang pembinaan negara bangsa dan merupakan satu aspek penting yang tidak dapat dipisahkan apabila membincangkan pemikiran politik.

### 1.1 Pernyataan Masalah Kajian

Pemikiran adalah sesuatu yang abstrak yang dapat dikonkritkan di dalam karya sastera. Terdapat pelbagai jenis pemikiran dari yang kecil, sederhana, besar dan luar biasa serta ke hadapan. Salah satu jenis pemikiran pengarang yang menarik dikaji ialah pemikiran politik. Terdapat pelbagai konsep pemikiran politik, namun konsep yang diperkenalkan oleh Tudor Jones bersesuaian dengan pemikiran politik Shahnnon Ahmad dan Putu Wijaya.

Tudor Jones telah mengenalpasti lima konsep yang membina pemikiran politik, iaitu kedaulatan, tanggungjawab politik, kebebasan, hak-hak asasi dan kesamaan (2002: xvii). Pemikiran politik berkaitan dengan proses pembinaan negara. Konsep seperti kedaulatan, tanggungjawab politik, kebebasan, hak-hak manusia dan kesamaan menjadi ramuan pembinaan negara yang ditunjangi oleh tiga elemen penting, iaitu penduduk, wilayah dan kerajaan.

Negara merujuk kepada wilayah yang diduduki oleh manusia, mempunyai satu unit politik yang berwibawa dan mempunyai kedaulatan menjalankan

pentadbiran sendiri. Mengikut Robert M. MacIver (1955) yang dipetik oleh Ramanathan:

*The state is an association which, acting through law as promulgated by a government endowed to this end with coercive power, maintains within a community territorially demarcated the external conditions of order (1992: 119).*

Negara bermaksud sekumpulan manusia menduduki sesebuah wilayah yang tetap di bawah penyelenggaraan kerajaan dan tidak tertakluk kepada kuasa luar.

Pembentukan negara terjalin hasil daripada pautan (penduduk), wilayah (sempadan negara) dan kerajaan. Manusia mengakui bahawa negara atau tempat yang diduduki itu adalah tanah airnya. Wilayah pula ialah kawasan kediaman manusia yang diukur berdasarkan hak milik kawasan, pemilikan sumber semulajadi sama ada di darat, di laut ataupun di angkasa. Penandaan sempadan sesuatu wilayah atau negara biasanya merujuk keadaan geografi dan dipersetujui umum bahawa sempadan wilayah berasaskan bukit-bukau, gunung-ganang, sungai, lembah ataupun laut. Semua hak milik negara adalah hak milik rakyat dan tidak boleh diceroboh oleh kuasa asing. Kerajaan pula berperanan untuk menyusun kehidupan manusia menjadi lebih teratur dan memastikan penduduk yang mendiami negara mematuhi undang-undang negara.

Negara yang diperintah oleh pemerintah pula perlu mempunyai kedaulatan. Dengan adanya kedaulatan melalui pengiktirafan daripada rakyat akan memberi mandat kepada kerajaan menjalankan pemerintahan negara. Seterusnya pengiktirafan antarabangsa juga diperlukan supaya sesebuah negara itu tidak akan diserang dan ditakluki oleh bangsa lain ataupun kuasa asing.



Bangsa secara umumnya membawa pengertian sebagai satu kesatuan manusia yang hidup di dalam sesebuah negara yang kewujudannya mempunyai beberapa ciri kesamaan dari segi fizikal, kebudayaan dan politik. Roy E. H. Mellor mengatakan bahawa:

*A nation may be described simply as comprising people sharing the same historical experience, a high level of cultural and linguistic unity, and living in a territory they perceive as their homeland by right (1989: 4).*

Mellor menyatakan bahawa bangsa itu adalah manusia yang mempunyai ciri yang sama dan terikat atas dasar perkongsian identiti kerana terikat oleh persamaan dengan hubungan sejarah, kebudayaan, bahasa dan mendiami negara tersebut sebagai tanah airnya.

Dalam Islam, tidak ada konsep bangsa, yang ada ialah umat Islam. Mengikut Islam, semua manusia menjadi satu, iaitu umat Islam. Tidak ada konsep bangsa Islam. Konsep negara Islam turut dijelaskan oleh al-Mawardi dalam *Adab al-Dunya wa al-Din* yang menyenaraikan asas-asas tuntutan Islam yang disimpulkan oleh Syamsul Bahri Andi Galigo seperti berikut:

...iaitu Islam sebagai landasan bermasyarakat dan bernegara, wujudnya perpaduan dan kesatuan rakyat, ada wilayah tersendiri, memiliki pemerintahan yang berwibawa dalam mengamalkan nilai-nilai siasah Islamiah, keadilan dan keselamatan bagi semua warga masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama (1999: 4).

Petikan di atas, menjelaskan tidak ada konsep bangsa seperti yang dikemukakan oleh Mellor. Islam mengatasi pengertian bangsa. Semua manusia beragama Islam adalah bersaudara. Konsep bangsa digantikan dengan umat Islam. Maka yang ada ialah umat Islam dan bukan bangsa Islam. Satu fakta sejarah yang membuktikan bahawa masyarakat Madinah di bawah pimpinan Rasulullah (s.a.w) adalah satu komuniti yang berbilang kaum, etnik dan agama

dalam satu sistem bernegara. Sistem politik Islam mengiktiraf kebebasan dan kemerdekaan dalam menganuti agamanya, menjamin keselamatan harta benda dan hak rakyat untuk mewujudkan kesejahteraan ekonomi rakyat (*ibid*: 5).

Negara Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk yang terdiri daripada pelbagai etnik, iaitu Melayu, China, India dan etnik minoriti yang lainnya. Timbul persoalan, sama ada negara Malaysia dapat membentuk sebuah negara bangsa. Hal demikian kerana etnik-etnik tersebut sukar untuk disatukan kerana mempunyai perbezaan agama dan kebudayaan, hidup secara berasingan dalam kelompok masing-masing dan latar belakang pekerjaan dan ekonomi yang berbeza. Hal yang sama juga dialami oleh negara Indonesia sebagaimana yang dijelaskan oleh Leo Suryadinata iaitu:

...menurut kajian lain mencatatkan multi etnik, bangsa dan agama adalah tidak kurang 250 kumpulan etnik mencatatkan Jawa 47 %, Sunda 15%, Madura 7%, Minangkabau 3.5 %, Bugis 3 %, Bali 2 %, diikuti oleh etnik lain seperti Cina 3 % diikuti pula peratusan kecil berbangsa Arab dan India...enam agama utama iaitu Islam, Kristian Protestan, Kristian Katholik, Hindu-Buddha, Buddhisme, dan Confusision (2000: 39).

Gambaran di atas menunjukkan bahawa terdapat pelbagai etnik dan agama yang dianuti oleh rakyat Indonesia. Gambaran ini memangnya tidak dapat dielakkan oleh negara yang terdiri daripada pelbagai etnik. Namun begitu Gellner telah menjelaskan bahawa *Nation as groups which will themselves to persist as communities* (1983: 53). Dengan perkataan lain, bangsa itu dapat diwujudkan walaupun pelbagai kumpulan etnik selagi ada rasa keinginan yang mendalam untuk hidup bersama. Jurang perbezaan yang wujud antara mereka cuba dirapatkan, nilai persamaan dan kerjasama antara kaum dicari serta

diperluaskan sebagai usaha mewujudkan perpaduan dan integrasi nasional (Zulhelmi Paidi dan Rohani Abdul Ghani, 2003: 48).

Negara dan bangsa pula cantuman dua perkataan yang menjadi negara bangsa. Konsep "negara bangsa" yang diterjemahkan, mungkin secara harfiah sahaja, daripada istilah Inggeris *nation-state*, iaitu konsep dan ideologi yang lahir dalam sejarah bangsa-bangsa Eropah yang menghadapi masalah "kesedaran bangsa" atau "nasionalisme" mereka (Hassan Ahmad, 2004: 1). Apabila wujud kesedaran bangsa, akan lahir sebuah negara yang baru yang mana semua rakyat dipertalikan oleh ikatan bahasa, budaya dan nilai yang dipersetujui bersama. Akhirnya satu tujuan dan matlamat yang sama berjaya diwujudkan yang dapat meningkatkan perpaduan dalam kalangan rakyat bagi membina negara ke arah yang lebih cemerlang.

Pemerintah pula harus menyedari bahawa rakyat yang mendiami negara adalah sama dan berhak mendapat faedah daripada tertubuhnya sebuah negara bangsa. Mereka merasakan segala perkara yang digubal untuk kebaikan bersama dan melenyapkan unsur ekstremis, chauvinis, dan etnosentrisme (Chew Fong Peng, 2004: 143). Sehubungan itu, pelbagai etnik berpuas hati dan sentiasa mentaati pemerintah kerana mereka diberi layanan yang sama oleh pihak pemerintah. Akhirnya proses pembinaan negara bangsa mencapai kejayaan yang gemilang dan rakyat hidup dalam keadaan aman dan damai.

Zulhelmi dan Rohani Abdul Ghani (2003: 35-36) meletakkan tiga syarat yang menjadi kayu ukur yang boleh membawa kejayaan kepada bangsa dan negara bangsa:

1) Kehidupan masyarakat dalam negara tersebut adalah bersatu tanpa berlaku sebarang pemisahan ataupun diskriminasi. Tiada perbezaan perkauman atas dasar perbezaan kepercayaan, bahasa, kebudayaan, jenis pekerjaan, penempatan atau apa jua sebab dan rangsangan yang membawa kepada perpecahan dan kehuru-haraan dalam masyarakat.

2) Penduduk dalam negara menerima hakikat hidup berkongsi pegangan kepada satu ideologi yang sama, iaitu bersatu padu dan cinta akan negara.

3) Rakyat sesebuah negara harus yakin dan mempunyai kepercayaan dan keyakinan yang sepenuhnya terhadap sistem pemerintahan dan undang-undang negara.

Proses pembinaan negara bangsa mencapai kesempurnaan (bentuk yang ideal) sekiranya perpaduan rakyat dapat dipertingkatkan tanpa memikirkan bangsa, agama, kepercayaan dan latar belakang kehidupan. Dengan ini akan lahir semangat cinta akan negara yang bertunjangan semangat bertoleransi, bersatu padu dan sanggup berkorban untuk negara. Sehubungan itu, dasar pemerintahan negara yang dilaksanakan oleh pemerintah perlulah adil dan telus dengan sentiasa memikirkan kebajikan rakyat. Akhirnya rakyat akan memberi kepercayaan dan kesetiaan kepada pemerintah untuk terus menerajui negara. Pembinaan negara bangsa yang lebih menyeluruh dikemukakan oleh Nurcholish Majid. Menurut beliau:

“Negara-bangsa “adalah suatu gagasan tentang negara yang didirikan untuk seluruh bangsa. Pengertian “bangsa” atau “nation” dalam bahasa Arab sering diungkapkan dengan istilah ummah (ummatun, umat), seperti “United Nation”, “Persatuan

Bangsa-Bangsa”, yang terjemah Arabnya ialah “al-Umah al-Muttahidah”, “Umat-umat Bersatu”. Jadi “negara-bangsa” adalah negara untuk seluruh umat, yang didirikan berdasarkan kesepakatan bersama yang menghasilkan hubungan kontraktual dan transaksional terbuka antara pihak-pihak yang mengadakan kesepakatan itu. Tujuan negara-bangsa ialah mewujudkan maslahat umum (dalam pandangan kenegaraan Salaf disebut al-maslahat al-ammah atau al-maslahat al-mursalah, padanan pengertian general welfare), suatu konsep tentang kebaikan yang meliputi seluruh warga negara tanpa kecuali (2004: 42-43).

Petikan di atas menjelaskan bahawa konsep pembinaan negara bangsa diwujudkan oleh manusia melalui kesedaran untuk mengadakan persepakatan bersama, iaitu melalui perjanjian dan perhubungan terbuka antara pihak-pihak yang terlibat. Pihak itu, terdiri daripada pelbagai lapisan rakyat yang berbeza etnik dan budaya telah bersetuju menerima satu bangsa yang satu dan satu bentuk pemerintahan yang dapat melahirkan suatu bangsa dan negara yang maju tanpa mengorbankan kepentingan rakyat.

Kewujudan negara bangsa bermakna bahawa rakyat telah mengklasifikasi dirinya mendiami sesebuah negara dengan penyatuan bahasa, budaya, amalan dan nilai yang mempunyai satu tujuan dan matlamat yang sama melahirkan perpaduan dan kebaikan kepada semua warganegara. Dengan ini akan menimbulkan perasaan cinta dan sayang akan negara bagi mewujudkan sebuah negara bangsa yang unggul. Hal ini juga tidak terkecuali kepada setiap pengarang, mereka juga mempunyai pemikiran politik yang mengarah kepada satu gagasan agar negara bangsa yang terbentuk benar-benar mencapai kesejahteraan yang ideal. Dalam Islam, negara bangsa itu digantikan dengan negara Islam yang mana Islam menjadi asas untuk segala sisi kehidupan termasuklah pemikiran politik.

Pemikiran politik ada hubungan dengan pembentukan sebuah negara bangsa. Konsep-konsep pemikiran politik seperti kedaulatan, tanggungjawab politik, kebebasan, hak-hak manusia dan kesamaan dapat mempengaruhi kejayaan ataupun kegagalan dalam proses pembinaan negara bangsa. Menyadari hubungan ini, maka menarik untuk melihat pemikiran politik dalam novel-novel yang dikaji dan hubungan dengan pembinaan negara bangsa. Dengan kata lain, sukar untuk memisahkan hubungan pemikiran politik dan pembinaan negara bangsa.

Berbanding dengan Putu Wijaya, Shahnnon lebih tertarik dengan Islam dan terpancar dalam beberapa buah novelnya. Adakah pemikiran politik Shahnnon yang cenderung kepada Islam itu berhubung dengan pembinaan negara bangsa atau pembinaan negara Islam? Hal ini menarik untuk meneliti novel-novel Shahnnon bagi melihat perbezaan di dalam konteks perbandingan dengan novel-novel Putu Wijaya.

## 1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian terbahagi kepada tiga, iaitu:

- A) Menganalisis pemikiran politik Shahnnon Ahmad dan Putu Wijaya dan hubungannya dengan pembinaan negara bangsa dalam novel-novel terpilih yang dikenal pasti.
- B) Meneliti bagaimana pemikiran politik dan pembinaan negara bangsa itu disampaikan oleh kedua-dua pengarang dalam novel-novel yang dikaji.

- C) Membuat perbandingan pemikiran politik dan hubungannya dengan pembinaan negara bangsa dalam novel-novel terpilih Shahnnon Ahmad dan Putu Wijaya bagi mencari kecenderungan mereka.

### 1.3 Tinjauan Kajian

Shahnnon Ahmad dan Putu Wijaya adalah sasterawan terkenal di Malaysia dan Indonesia. Banyak kajian yang telah dibuat terhadap karya-karya mereka termasuklah novel dan cerpen. Namun didapati belum ada kajian perbandingan yang dibuat tentang pemikiran politik dan hubungan dengan pembinaan negara bangsa dalam karya-karya Shahnnon Ahmad dan Putu Wijaya.

Terdapat banyak tulisan atau kajian yang telah dilakukan terhadap novel-novel Shahnnon Ahmad. Antaranya ialah sebuah buku yang bertajuk *Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad* yang ditulis oleh Mohd Yusof Hasan (1990). Dalam bab satu dan bab dua, beliau membincangkan tentang sikap dan pemikiran Shahnnon Ahmad dalam penulisan karyanya. Seterusnya dalam bab 3, Mohd Yusof Hasan membincangkan karya Shahnnon yang berkisar kepada persoalan masyarakat kampung dan kota berdasarkan pengalaman dan pemerhatian beliau kepada dunia yang realiti. Beliau telah mengkaji karya-karya Shahnnon mengikut period, iaitu tahun dihasilkan. Sebagai contoh kajian novel beliau bermula dengan *Rentong*, *Terdedah*, *Ranjau Sepanjang Jalan*, *Protes*, *Menteri*, *Kemelut*, *Seluang Menodak Baung*, *Al-Syiqaq 1* dan *Tunggul-Tunggul Gerigis*.

Analisis novel-novel tersebut lebih memberi perhatian kepada tema, persoalan dan plot dan dikupas secara mendatar dan tidak mendalam. Persoalan yang dipaparkan berkaitan dengan kepincangan dalam masyarakat

seperti masalah sosial, nilai kepimpinan dan sikap pemimpin yang disampaikan melalui watak-watak yang menghidupkan plot dalam karya tersebut.

Sebuah buku lagi bertajuk *Tanggapan-Pembicaraan Karya-karya Shahnnon Ahmad* tahun 1984, yang diselenggarakan oleh Safian Hussain, Mohd Thani Abdullah dan Ahmad Kamal Abdullah. Buku ini adalah himpunan esei dan kritikan novel dan cerpen Shahnnon oleh para sarjana, peneliti dan peminat sastera. Dalam buku itu, banyak diperkatakan tentang novel *Ranjau Sepanjang Jalan*. Antaranya H.B. Jassin, Md. Salleh Yaapar dan Edwin Thumboo. H.B. Jassin membicarakan aspek teknik yang digunakan oleh Shahnnon bagi menggerakkan plot cerita *Ranjau Sepanjang Jalan*. H.B. Yassin memuji kebijaksanaan Shahnnon menyampaikan teknik pemerian yang begitu rinci dan gaya bercerita yang bersungguh-sungguh. Md. Salleh Yaapar pula, membincangkan nasib petani-petani Melayu dengan melihat kepada tema, persoalan, plot, teknik plot dan gaya bahasa yang dianggap baru oleh Md. Salleh Yaapar, iaitu paparan plot penceritaan yang menyedihkan dan juga penderitaan yang tidak berkesudahan.

Dalam buku *Tanggapan-Pembicaraan Karya-karya Shahnnon Ahmad* (1984), Edwin Thumboo turut menghasilkan esainya "Shahnnon Ahmad's *No Harvest But A Thorn*," yang diterjemahkan oleh Shamsuddin Jaafar yang bertajuk "*Ranjau Sepanjang Jalan: Karya Shahnnon Ahmad*". Beliau mengupas tema perjuangan manusia menentang kemiskinan hidup dan dalam novel ini dapat dikesan sikap pemikiran Shahnnon terhadap kepercayaan keagamaan. Pada pandangan beliau, novel ini padat dengan doktrin keagamaan yang digerakkan oleh watak-watak dari sudut pandangan hidup dan kepatuhan



kepada perintah Allah. Nasib seseorang individu itu dengan jelas dipengaruhi oleh alam yang diciptakan oleh Allah.

David J. Banks juga menulis sebuah esei dalam buku *Tanggapan-Pembicaraan Karya-Karya Shahnnon Ahmad* (1984), yang diterjemahkan oleh Mokhtar Ahmad berjudul "Islam dan Perubahan Politik di dalam Masyarakat Melayu Desa: Novel-Novel Shahnnon Ahmad Sebagai Data". Beliau membincangkan empat buah novel Shahnnon Ahmad, iaitu *Ranjau Sepanjang Jalan*, *Rentong*, *Srengenge* dan *Seluang Menodak Baung*. Dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan*, beliau mendapati bahawa kemiskinan orang Melayu disebabkan sikap selalu berserah dan tidak mahu berusaha mencari alternatif baru untuk kesempurnaan hidup. Dalam novel *Rentong* pula didapati masyarakat Melayu kurang mengamalkan nilai keislaman untuk mengubah cara hidup mereka. Masyarakat Melayu pada masa itu, lebih mempercayai aturan nenek-moyang dan adat resam. Pengaruh Islam tidak dapat dikesan dalam novel *Srengenge*. Masyarakat Melayu lebih mempercayai animisme dan penunggu yang dipercayai boleh membawa kecelakaan dan kematian. Novel *Seluang Menodak Baung* mencitrakan kegagalan pemimpin agama membawa kemajuan kepada rakyat kerana rakyat masih mempercayai amalan yang karut.

Umar Junus juga menyumbangkan esei beliau dalam buku *Tanggapan-Pembicaraan Karya-Karya Shahnnon Ahmad* (1984). Esei beliau bertajuk "Pertukaran Watak Dalam Novel-Novel Shahnnon: Dari Penghulu ke Imam". Beliau mengupas kelima-lima buah novel Shahnnon Ahmad, iaitu *Rentong*, *Ranjau Sepanjang Jalan*, *Srengenge*, *Kemelut* dan *Seluang Menodak Baung*. Beliau mendapati bahawa pemimpin yang berpengaruh dalam masyarakat kampung dalam novel *Rentong* dan *Ranjau Sepanjang Jalan* ialah penghulu.

Tiga buah novel yang seterusnya memberi keutamaan kepada imam, iaitu orang alim sebagai pemimpin dalam masyarakat. Pertukaran pemimpin daripada penghulu kepada imam bagi Umar Junus, merupakan satu perubahan sikap rakyat yang inginkan pemimpin yang dapat membela nasib mereka. Pemimpin seperti penghulu, lebih memihak kepada pemerintah sebaliknya imam atau orang alim lebih bebas dan terbuka malah lebih berani memperjuangkan nasib rakyat.

Umar Junus juga turut menghasil esei yang bertajuk “Suatu Sikap Tentang Modenisasi: Penampilannya Pada Novel-Novel Shahnnon Ahmad” juga termuat dalam buku *Tanggapan-Pembicaraan Karya-Karya Shahnnon Ahmad* (1984). Esei ini menyingkap pandangan Shahnnon tentang modenisasi dalam novel *Rentong*, *Ranjau Sepanjang Jalan*, *Srengenge*, *Kemelut*, *Terdedah* dan *Protes*. Dalam novel *Rentong* dan *Ranjau Sepanjang*, didapati masyarakat Melayu sedia menerima perubahan dan kemajuan yang dibawa oleh pemerintah misalnya menggunakan teknologi moden sebagai satu unsur modenisasi yang penting. Dari sudut yang lain pula, beliau mendapati Shahnnon adalah penentang kepada modenisasi kerana boleh menyebabkan keruntuhan akhlak masyarakat seperti terakam dalam *Terdedah*. Penggunaan teknologi moden juga turut mencemarkan alam sekitar melalui paparan dalam *Kemelut* dan dalam novel *Protes* pula berlaku pertentangan nilai antara moden dengan tradisi akibat modenisasi.

Esei Ismail Hussein juga termuat dalam buku *Tanggapan-Pembicaraan Karya-Karya Shahnnon Ahmad* (1984), yang bertajuk “Sastera Melayu dan Perpaduan Kaum”. Beliau membincangkan novel *Menteri*, iaitu tentang mimpi dahsyat Bahadur. Beliau menegaskan bahawa kisah mimpi itu bukannya

bermakna Shahnnon menggalakkan semangat perkauman tetapi sebaliknya menentang sikap pegawai berbangsa Melayu yang telah menyalahgunakan kuasanya untuk kepentingan diri dan mengabaikan tanggungjawab kepada rakyat. Yahaya Ismail juga turut menyumbangkan esei beliau dalam buku ini yang bertajuk "*Srengenge: Sebuah Ulasan Novel*". Beliau mengupas teknik-teknik yang digunakan oleh Shahnnon dalam novel *Srengenge* bagi menghidupkan watak-watak yang sentiasa berkonflik dalam dirinya dan dengan manusia yang lain. Beliau telah mengkaji teknik naratif yang digunakan oleh Shahnnon dan kesannya kepada pembaca melalui teknik yang sedemikian.

Buku *Tanggapan-Pembicaraan Karya-Karya Shahnnon Ahmad* (1984), juga membincangkan esei M. Balfas yang bertajuk "*Rentong*". Beliau mengkaji tema, plot dan perwatakan dalam novel tersebut. Pada pandangan beliau, novel ini tidak mempunyai apa-apa keistimewaannya kerana tidak memberikan gambaran yang teliti kepada watak Dogol yang menjadi punca kepada konflik yang berlaku dalam masyarakat. Alis Murni dalam buku ini juga menganalisis novel *Perdana* yang bertajuk "*Perdana*". Beliau telah mengupas persoalan semangat kebangsaan orang-orang Melayu dalam usaha menuntut kemerdekaan. Ramli Leman Soemowidagdo dalam eseinya "Catatan Singkat Tentang *Protes* Sebuah Novel Shahnnon Ahmad" menganalisis plot novel tersebut. Beliau membuat kesimpulan bahawa novel ini memaparkan konflik kejiwaan tokoh-tokoh, disebabkan percanggahan nilai-nilai dari sudut pandangan beragama yang terus membiak dan membawa kepada protes keagamaan.

Esei yang berkaitan dengan perbandingan pengarang Malaysia dan Indonesia juga dapat dikesan dalam buku *Tanggapan-Pembicaraan Karya-*

*Karya Shahnon Ahmad.* Esei yang bertajuk “*Protes dan Ziarah: Satu Perbandingan*”, ditulis oleh Abdul Rahman Yusof. Beliau membuat perbandingan antara novel Shahnon dan Iwan Simatupang. Beliau mendapati bahawa kedua-dua buah novel itu bertemakan falsafah eksistensialisme. Persamaannya, kedua-dua pengarang sedang mencari sesuatu, iaitu dalam *Protes* mencari pegangan agama dan kebenaran yang hakiki manakala dalam *Ziarah* pula mencari siapa dirinya. Namun begitu, novel *Protes* masih lagi mengakui kewujudan Tuhan dengan syarat tidak menerima ajaran agama secara bulat-bulat tetapi dapat dibuktikan dengan hukum yang logik dan perlu dibahaskan bagi mencapai sesuatu keputusan. Dalam hal ini, watak jelmaan Shahnon masih lagi bersifat manusia biasa dengan menjalani kehidupan seperti manusia yang lain. Sebaliknya dalam *Ziarah*, semua sifat manusia yang ditonjolkan amat aneh dan melakukan tindakan yang berbeza dengan kebiasaan lumrah hidup manusia.

Beberapa buah penulisan yang membincangkan novel-novel Shahnon Ahmad termuat dalam buku yang bertajuk *Shahnon Ahmad dalam Esei dan Kritikan* (2007). Sebuah esei yang ditulis oleh A. Teeuw yang bertajuk “Dua Novelet Karangan Shahnon Ahmad”. Beliau membuat perbandingan dua buah novelet, iaitu *Terdedah* dan *Rentong* dari kaca mata Barat. Baginya novel *Terdedah* hanya berjaya memaparkan kritikan sosial kepada golongan atasan tetapi penyorotan jiwa watak-watak tidak begitu asli dan usang. Hal ini demikian, kerana tema seperti itu telah banyak diketengahkan oleh pengarang Barat. Sebaliknya beliau memberi pengiktirafan yang tinggi kepada novel *Rentong* kerana menggunakan dialek daerah, iaitu loghat Kedah.

Mohd Yusof Hasan dalam buku *Shahnon Ahmad dalam Esei dan Kritikan* (2007), telah mengkaji novel *Srengenge*. Kajian beliau bertajuk "Srengenge: Symbolisme Konflik Nilai" yang meneliti konflik nilai antara manusia dengan unsur animisme. Gagasan kemajuan yang dibawa oleh Awang Cik Teh telah ditentang oleh penduduk kampung yang berpegang kuat kepada animisme. Novel *Seluang Menodak Baung* juga telah dikaji oleh Mohd Yusof Hasan dengan tajuk "*Seluang Menodak Baung: Rakyat dan Ubi Gadung*" mengupas persoalan kemiskinan masyarakat dan perjuangan menuntut kemajuan. Yahaya Ismail pula memberi tumpuan kepada persoalan dalam novel *Terdedah* yang bertajuk "*Terdedah: Lahir atau Batinnya?*", iaitu tentang kehidupan manusia yang tinggal di kota. Mereka hidup dalam kemewahan dan bersikap kebaratan sehingga meninggalkan adat ketimuran dan ajaran agama.

Analisis novel-novel Shahnon dengan novel-novel daripada pengarang-pengarang yang lain terdapat di dalam buku yang berjudul *Kecenderungan Baru Dalam Novel Melayu-Satu Kajian Struktur* (1987). Buku ini ditulis oleh S. Othman Kelantan. Beliau telah mengkaji novel-novel tersebut dengan menggunakan pendekatan struktur. Dalam bab empat, beliau mengkaji novel *Salina*, *Sungai Mengalir Lesu*, dan *Ranjau Sepanjang Jalan*. Dalam bab lima, beliau mengkaji novel *Lingkaran*, *Terdedah*, *Menteri* dan *Protes*. Dalam bab enam, beliau meneliti novel *Sampah*, *Srengenge* dan *Seluang Menodak Baung*. S. Othman Kelantan mendapati ada kecenderungan baru dari segi struktur novel-novel yang dikaji oleh beliau, iaitu dari segi konflik batin watak telah diterapkan oleh Shahnon melalui monolog dalaman, arus kesedaran, dialog, imbas kembali dan imbas muka. Selain itu, pemilihan latar tempat, masa dan

masyarakat adalah terhadap dan pergerakan watak tidak lagi bersifat pengembaraan.

Sohaimi Abdul Aziz juga telah menghasilkan sebuah buku bertajuk *Mobiliti Sosial Perspektif Barat dan Islam dalam Novel terpilih Shahnnon Ahmad* (1992). Beliau mengupas persoalan-persoalan yang terdapat di dalam novel-novel Shahnnon dengan menggunakan pendekatan sosiologi Barat dan perspektif Islam. Dalam bab tiga, beliau mengkaji novel *Ranjau Sepanjang Jalan* dan *Menteri*. Novel *Ranjau Sepanjang Jalan* jika dilihat dari sudut pandangan Barat, lebih mementingkan kebendaan. Hal demikian, menyebabkan ada golongan manusia yang ingin mengekalkan statusnya dengan tidak membenarkan orang lain meningkatkan mobiliti sosial. Punca utama kegagalan manusia meningkatkan mobiliti sosial adalah kerana faktor kemiskinan, eksploitasi orang tengah, menggunakan teknologi pertanian cara lama dan tidak mendapat sokongan dan bantuan daripada pihak kerajaan.

Dalam *Menteri* pula, mobiliti sosial berlaku kepada rakyat yang berpendidikan tinggi serta mempunyai keupayaan menawan hati rakyat. Bahadur berpeluang menjadi menteri dalam sistem pemerintahan negara kerana taraf pendidikannya tinggi dan bijak mempengaruhi rakyat supaya menyokong dan memilihnya menjadi pemimpin kepada rakyat. Dalam bab empat pula, beliau membincangkan novel *Kemelut* dan *Seluang Menodak Baung*. Dalam *Kemelut*, rakyat bersedia menerima kemajuan kerana ini akan menjamin kehidupan mereka menjadi bertambah baik tetapi telah dihalang oleh golongan kapitalis yang ingin mengusir mereka daripada perkampungan nelayan, semata-mata untuk membina kawasan perkilangan. Dalam *Seluang Menodak Baung* pula menggambarkan bahawa mobiliti sosial tidak akan berlaku

selagi mereka tidak mempunyai tanah. Tanah bagi mereka merupakan satu usaha untuk meningkatkan mobiliti sosial. Mereka hampir gagal mendapatkan tanah kerana wakil rakyat tidak mengajukan permohonan mereka. Dengan perkataan yang lain, pemimpin yang diharap-harapkan oleh rakyat telah menyekat dan menghalang berlakunya mobiliti sosial.

Dalam bab lima pula, novel yang dianalisis oleh beliau ialah *Al-Syiqaq* dan *Tok Guru*. Kedua-dua novel ini telah menggunakan golongan agama dan beliau melihat dari sudut Islam bahawa golongan yang mendapat tempat dalam masyarakat Islam ialah orang yang taat dan bertakwa kepada Allah. Mobiliti sosial boleh berlaku seandainya seseorang itu mempunyai pengetahuan mendalam dalam bidang keagamaan. Golongan ini akan mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Melayu dan mereka menjadi rujukan kepada rakyat.

Sebuah lagi buku yang ditulis oleh Sohaimi Abdul Aziz yang bertajuk *Kesusasteraan Bandingan-Perkembangan, Pendekatan, Praktis* (2001) telah mengkaji secara perbandingan novel-novel Shanon dengan karya daripada luar negara. Dalam Bab empat yang bertajuk “Mitos Pandora dan *Tivi*: Satu Pendekatan Tematik.” Mitos Pandora mencitrakan watak wanita yang bernama Pandora telah dihantar oleh dewa Zeus untuk menggoda lelaki. Dalam novel *Tivi* imej ini diberikan kepada Chah yang telah menjerumuskan keluarga kepada perbuatan yang dilaknat oleh Tuhan, iaitu kes sumbang mahram antara bapa dan anak.

Dalam bab enam pula dengan tajuk “Pemimpin Agung dalam *The Autumn of The Patriarch* dan *Patriarch*: Satu Pendekatan Tematik.” Beliau membandingkan watak utama pemimpin negara yang dicerna oleh Shanon

dan Garcia Marquez dari segi persamaan dan perbezaan kedua-dua watak tersebut. Kedua-duanya watak itu menyerlahkan kebencian rakyat kerana menjalankan pemerintahan yang zalim. Watak General lebih kejam daripada Patriarch namun novel gubahan Shahnnon ini diakhiri dengan tindakan rakyat yang inginkan Patriarch mati seterusnya membasmi suku-sakat Patriarch dalam urusan pemerintahan negara.

Buku yang bertajuk *Shahnnon Ahmad Islam Power and Gender* (2000) yang ditulis oleh Harry Aveling turut membincangkan beberapa buah novel Shahnnon Ahmad iaitu *Rentung*, *Ranjau Sepanjang Jalan*, *Srengenge*, *Protes*, *Al-Syiqaq*, *Tok Guru* dan *Ummi dan Abang Syeikhul*. Dalam *Rentung* beliau membincangkan peranan pemimpin yang mengamalkan sistem politik Islam seperti muafakat. *Ranjau Sepanjang Jalan* pula memaparkan persoalan penyalahgunaan kuasa penghulu kepada penduduk kampung dan sikap orang kampung yang hanya berserah kepada takdir Tuhan dalam meneruskan kehidupan. *Srengenge* pula mencitrakan tentang kepercayaan karut penduduk kampung yang menyebabkan rakyat menjadi mundur. Awang Cik Teh merupakan pemimpin yang cuba meyakinkan para penduduk supaya membuang fahaman karut. Manakala dalam *Protes* membicarakan tentang protes keagamaan dan mencari pegangan agama yang sebenarnya. *Al-Syiqaq* memaparkan persoalan gender yang memihak kepada kekuasaan lelaki terhadap wanita. Novel *Tok Guru* dan *Ummi dan Abang Syeikhul* mencitrakan sikap pemimpin yang telah menyalahgunakan agama untuk menguasai dan menindas wanita semata-mata untuk kepuasan nafsu seks mereka.

Sebuah bab dalam buku *Warisan Sastera Kedah* (1990), Mohd Yusof Hasan telah mengkaji tiga belas novel Shahnnon Ahmad yang bertajuk “Dari



Semaun ke Cumbi” yang membincangkan tiga tema utama yang sering diketengahkan oleh Shahnnon Ahmad, iaitu bertemakan kepimpinan, kemiskinan dan keislaman. Dalam novel *Protes*, *Kemelut* dan *Seluang Menodak Baung* berkisar kepada pemimpin masyarakat kampung berjuang menentang ketidakadilan pihak yang berkuasa. Selain itu, pemimpin politik yang baik dan lemah juga turut dipaparkan. Tema kemiskinan rakyat di kampung menjadi bahan utama garapan Shahnnon Ahmad misalnya dalam novel *Rentung*, *Ranjau Sepanjang Jalan*, *Srengenge* dan *Kemelut*. Tema keislaman pula dapat dilihat dalam novel *Al-Syiqaq 1* dan *Tok Guru* yang memaparkan peranan golongan agama dalam kehidupan bermasyarakat.

Dalam satu penulisan bertajuk “Karya-Karya Shahnnon Ahmad: Manusia dalam Alam Tanpa Belas Kasihan “ oleh A. H. Johns (*Dewan Sastera*, Mac 1971: 34-38), ada dibincangkan tentang teknik naratif yang digunakan oleh Shahnnon dalam beberapa buah novelnya. Novel-novel tersebut ialah *Rentong*, *Ranjau Sepanjang Jalan*, *Terdedah*, *Perdana* dan *Menteri*. Plot atau jalinan cerita dalam novel *Rentong*, *Ranjau Sepanjang Jalan*, *Terdedah*, *Perdana* dan *Menteri* dianggap agak luar biasa kerana dilingkungi teknik suspen, monolog dalaman dan *stream of consciousness*. Teknik ini meninggalkan kesan yang mendalam kepada pembaca kerana merungkaikan kekejaman manusia yang menindas dan menzalimi manusia yang lain demi melangsungkan kehidupan.

Seterusnya dalam (*New Straits Times*, 28 Jun 1980), Adibah Amin telah menghasilkan penulisan yang bertajuk, “The Eye of Shahnnon”, diterjemahkan oleh Junaidah Salleh, “Dari Kaca Mata Shahnnon.” Adibah Amin menganalisis beberapa buah novel Shahnnon, iaitu *Rentung*, *Menteri*, *Srengenge*, *Ranjau Sepanjang Jalan* dan *Protes*. Kesemua watak utama dalam novel-novel tersebut

berkonflik dengan masyarakat. Dalam penulisan ini, Adibah Amin telah membincangkan persoalan yang berkaitan dengan kuasa, iaitu kuasa alam semulajadi, kuasa pemimpin dan kuasa mempercayai amalan karut boleh menjejaskan kebahagiaan dan kejayaan dalam hidup.

Dalam satu penulisan, “Detik-Detik Diri di Daerah Daif, Menyingkap Rahsia Novel Shahnon” oleh Sohaimi Abdul Aziz (*Dewan Sastera*, hlm. 89-93, Julai 1992), beliau membincangkan latar belakang kehidupan keluarga Shahnon yang dirakamkan di dalam novel-novelnya. Seterusnya Sohaimi Abdul Aziz (*Dewan Sastera*, hlm. 27-32, Oktober 1996) telah menghasilkan esainya bertajuk “Analisis *Tivi* dan Pengarangnya: Antara Tanggungjawab Sublimasi dan Kontroversi”. Esei ini menyentuh persoalan keruntuhan akhlak muda mudi akibat modenisasi dan ledakan teknologi maklumat. Keruntuhan akhlak dan pergaulan sosial yang tidak terbatas mengakibatkan berlakunya gejala sumbang mahram. Walaupun karya ini agak lucu, namun amat berkesan kerana dapat menyampaikan mesej kepada pembaca. A. Rahim Abdullah (*Dewan Sastera*, hlm. 82-93, Julai 1992) mengupas tajuk “*Tunggul-Tunggul Gerigis Yang Kaya dengan Semiotik dan Psikologi*” yang memberi tumpuan kepada aspek pengaruh dan psikologi pengarang yang bernama Shahnon Ahmad dalam menghasilkan karya tersebut.

Hanya terdapat satu penulisan yang membincangkan proses pembinaan negara bangsa dalam novel-novel Shahnon Ahmad. Dalam prosiding Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu (SAKM VIII, 2004), Sohaimi Abdul Aziz telah menghasilkan esainya yang bertajuk “Kesan Kepimpinan Politik dalam Memperkasakan Negara Bangsa: Kajian Terhadap Novel-Novel terpilih Shahnon Ahmad”. Esei beliau memberi tumpuan kepada novel *Menteri, Seluang*

*Menodak Baung, Tunggul-Tunggul Gerigis, Patriarch* dan *Sutan Baginda*. Kupasan beliau berkaitan dengan kepimpinan politik yang negatif dan tidak bertanggungjawab kepada rakyat. Hal ini, dapat dilihat dalam novel *Menteri* dan *Seluang Menodak Baung*. Krisis kepimpinan berlaku dalam novel *Tunggul-Tunggul Gerigis* apabila rakyat menjalani kehidupan yang berpuak-puak. Hal ini berlaku, kerana terdapat dua kumpulan parti politik yang bertelagah lalu mewujudkan konflik dalam masyarakat. Novel *Patriarch* dan *Sutan Baginda* pula memperlihatkan kerakusan pemimpin memperoleh kuasa politik dan menggunakan kuasa tersebut untuk kepentingan diri sendiri.

Di antara latihan ilmiah yang dapat dikesan, telah ditulis oleh Faridah Samsuri yang bertajuk “Imej dan Peranan Wanita dalam Novel *Ranjau Sepanjang Jalan*” (Universiti Kebangsaan Malaysia, 1983). Kajian ini menyorot psikologi watak-watak wanita dan peranan watak berkenaan dalam kehidupan bermasyarakat. Kamariah Yusof dalam latihan ilmiahnya yang bertajuk “Citra Wanita dalam Novel-Novel Shahnnon Ahmad” (Universiti Sains Malaysia, 1995), telah menyorot peranan wanita dalam membantu suami mereka bagi meneruskan kehidupan.

Mohd Daud Hamzah dalam Latihan Ilmiahnya (Universiti Malaya, 1968), telah mengkaji “Perwatakan di dalam Novel Shahnnon Ahmad Hingga Tahun 1967”. Kajian menyorot kepada perwatakan utama dalam novel-novel tersebut yang mengalami konflik diri dan konflik dengan masyarakat.

Seterusnya Mohd Yusof Hasan dalam Latihan Ilmiah (Universiti Malaya, 1968) pula mengkaji “Novel-Novel Shahnnon Ahmad: dari Sudut Ekstrinsik”. Kajian beliau bertumpu kepada karya dan hubungannya dengan pengarang. Kajian ini mendapati bahawa novel-novel yang dihasilkan oleh Shahnnon Ahmad

banyak dipengaruhi oleh latar belakang kehidupan pengarang dan keluarganya. Latar tempat dalam novel-novel beliau, berkisar di kampung halamannya, iaitu kampung Banggol Derdap. Watak dan perwatakan pula terdiri daripada keluarganya sendiri dan penduduk kampung kelahirannya.

Tesis sarjana oleh Mohd Yusof Hasan yang bertajuk “Bahasa Daerah dalam Karya-Karya Shahnnon Ahmad” (Universiti Sains Malaysia, 1975/1976) telah memfokuskan kajian kepada penggunaan bahasa daerah seperti nama manusia, gelaran watak, nama tempat, nama am dan unit ukuran. Penggunaan bahasa daerah ini menjadikan novel Shahnnon mempunyai kelainan daripada pengarang yang lain. Hal ini telah memberi kesan yang mendalam kepada pembaca.

Tesis sarjana Ooi Eng Lye (Universiti Sains Malaysia, 1996) kini diterbitkan sebagai sebuah buku yang bertajuk *Novel Terpilih Shahnnon Ahmad: Satu Kajian Pendekatan Gender* (2005), telah membuat kajian gender ke atas watak wanita dalam novel-novel Shahnnon Ahmad, iaitu *Al-Syiqaq 1, Tunggul-Tunggul Gerigis, Tok Guru, Ummi dan Abang Syeikhul, Sutan Baginda dan Patriarch*. Kajian ini menggunakan pendekatan psikologi dan feminis yang menyentuh secara khusus perhubungan gender masyarakat Melayu sama ada di rumah atau penglibatan mereka di dalam masyarakat yang lebih luas.

Terdapat juga beberapa kajian yang membicarakan persoalan politik tetapi kajian adalah terhad dan tidak menyentuh dengan mendalam aspek politik yang berkaitan dengan proses pembinaan negara bangsa. Misalnya tesis sarjana Norliah Kudus bertajuk “Satira dalam Novel-Novel Terpilih Shahnnon Ahmad”, (Universiti Kebangsaan Malaysia, 1997/1998). Tumpuan kajian beliau kepada tiga buah novel *Patriarch, Ummi dan Abang Syeikul dan Tivi*. Kajian

beliau berkisar kepada sindiran dan kritikan kepada tokoh-tokoh tertentu seperti pemimpin, golongan agama dan golongan yang terlibat dengan media elektronik. Mohd Fauzi Ismail dalam tesis sarjananya pula mengkaji novel-novel Shahnnon Ahmad bertajuk “Sinisme dalam-Naratif : “Suatu Analisa Kritikan Politik dalam Novel Shahnnon Ahmad”, (Universiti Sains Malaysia, 2004). Kajian ini meneliti novel *Shit* dan novel *Muntah*. Beliau telah menggunakan pendekatan satira juvenilia, iaitu mengejek dan mengecam pemimpin yang tidak bertanggungjawab dalam urusan negara.

Abu Bakar Hashim dalam tesisnya yang bertajuk “Imej kepemimpinan Politik Melayu dalam Novel-Novel Melayu”, (Universiti Sains Malaysia, 1977/1978), telah mengkaji novel *Lingkar*, *Menteri*, *Langkah Kiri*, *Perdana* dan *Juara*. Kajian beliau menyentuh jenis-jenis pemimpin dan kritikan pengarang terhadap aksi, telatah dan peranan pemimpin dalam politik tanah air. Jeniri Amir (Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998/1999) telah menghasilkan tesis sarjana yang bertajuk “Politik dalam Novel Melayu Mutakhir”. Beliau mengkaji empat novel Melayu iaitu *Pungkad* (Obasiah Hj Usman), *Ulun* (Mahmud Eddie), *Tirai* (Rahman Shaari) dan *Shit* (Shahnnon Ahmad). Kajian beliau menggunakan pendekatan teori politik dan fokus beliau kepada penemuan sebab-sebab pengarang menghasilkan karya. Kesimpulan yang beliau dapati bahawa pengarang pilihannya, begitu terpengaruh dengan perkembangan politik tanah air semasa mereka menghasilkan karya mereka.

Roslan Bin Chin telah menghasilkan tesis sarjana yang bertajuk “Memahami Kematian dalam Novel-Novel Terpilih Shahnnon Ahmad Melalui Kod Budaya dan Simbolik: Satu Kajian Semiotik”, (Universiti Sains Malaysia, 2005). Kajian beliau memberi tumpuan kepada novel *Patriarch* (1995), *Shit* (1999) dan

*Paruhi* (2000). Beliau menggunakan teori Roland Barthes dan juga Islam. Beliau melihat kematian itu sebagai malapetaka akibat hukuman kepada pemimpin dan juga kematian disebabkan oleh keredaan pemimpin itu sendiri.

Tesis Doktor Falsafah yang dihasilkan oleh Talib Samat bertajuk “Strategi dan Teknik Naratif dalam fiksiyen Shahnnon Ahmad”, (Universiti Sains Malaysia, 2005), telah membincangkan beberapa buah novel, novelet dan cerpen Shahnnon Ahmad. Kajian ini menggunakan teori naratologi dan strategi naratif yang mengupas persoalan semasa dalam politik, isu keagamaan dan isu sosial masyarakat di Malaysia. Antara karya kajian beliau ialah *Shit, Cerita Dongeng Hujan dan Kuda, Patriarch, Wan Empuk dan Wan Malini, Tok Guru, Paruhi, Seluang Menodak Baung, Tivi dan Seorang Bayi Yang Tiba-Tiba Berada di Kampung Mandul*.

Novel-novel Putu Wijaya juga telah dikaji dan dianalisis oleh sarjana, pengkaji dan peminat sastera. Buku yang berkaitan dengan falsafah pemikiran Putu Wijaya dan penghasilan karyanya disunting oleh Sigit B. Kresna (2001) yang bertajuk *Mengenal Lebih Dekat: Putu Wijaya Sang Teroris-Mental dan Pertanggungjawaban Proses Kreatifnya*. Esei dalam buku tersebut dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama menjelaskan falsafah kepengarangan Putu Wijaya. Tujuan beliau berkarya sebagai alat perjuangan menentang kezaliman pemerintah dan menyedarkan rakyat tentang kepincangan yang dilakukan oleh pihak pemerintah. Bahagian kedua pula dimuatkan karya-karya terpilih Putu Wijaya yang plot penceritaannya mengkritik secara tersirat kekejaman pemerintah kepada rakyat. Pemerintah telah menggunakan kekuasaannya menyekat kebebasan dan hak yang patut diberikan kepada rakyat. Bahagian ketiga pula membincangkan proses kreativiti Putu Wijaya